



TIMBALAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE (DEVELOPMENT)

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892639
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.500-6/4/1 JLD 5 (~~77~~)
Tarikh : 19 Januari 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato',

**PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN AMALAN NILAI (SPAN 2.0)
PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2023/2024**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa **Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 3 No. 1 Tahun 2021 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti Dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) Perkhidmatan Awam** menetapkan supaya semua kementerian/ jabatan/ agensi kerajaan melaksanakan pengurusan amalan nilai secara bersepadu dan menyeluruh bagi meningkatkan tahap pengamalan nilai dan integriti dalam kalangan pegawai awam. Inisiatif ini dilaksanakan melalui Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) Perkhidmatan Awam yang memberi keutamaan kepada program penerapan, penghayatan dan pengamalan nilai di peringkat individu dan organisasi.

3. Sehubungan itu, bagi menyelaraskan pelaksanaan SPAN 2.0 Perkhidmatan Awam, semua kementerian/ jabatan/ agensi perlu melantik **seorang Pentadbir Agensi** dan seterusnya menubuhkan Pasukan Pengurusan Nilai di kementerian/ jabatan/ agensi masing-masing. Perlantikan Pentadbir Agensi adalah dengan melengkapkan **BORANG PENDAFTARAN PENTADBIR AGENSI**. Hebahan bagi Taklimat Penyelarasan Pelaksanaan SPAN 2.0 Perkhidmatan Awam Tahun 2023/2024 secara dalam talian mulai 19 Januari 2023 hingga 28 Februari 2023 telah dilakukan melalui emel, portal JPA dan portal iNSAN. Semua



Ketua Jabatan, Pengurus Sumber Manusia, Pentadbir Agensi dan Pasukan Pengurusan Nilai adalah dijemput untuk menghadiri taklimat ini.

4. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato' juga adalah dimohon untuk memanjangkan hebahan ini kepada jabatan dan agensi di bawah Kementerian dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, sila hubungi :

- a. Puan Lau Pek Jin
pj.lau@jpa.gov.my
03-88855244
- b. Puan Marnorleza binti Maridzor
leza.maridzor@jpa.gov.my
03-88855208

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. ZULKAPLI BIN MOHAMED)
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam